

Bahagia pada zaman 'now'



DUNIA
BAHARU 2022
DR BUDIMAN MOHD ZOHDİ

'Kebahagiaan adalah antara makanan rohani yang paling sedap'. Itu bukan kata mana-mana ahli falsafah tetapi kata saya sendiri, anak Sungai Besar yang semakin dewasa semakin mengakui kebenaran kata-kata Marcus Aurelius, Maharaja Rom (161-180M), yang juga ahli falsafah Stoicisme terkemuka baha-wa: "Kebahagiaan bukanlah apa yang kau miliki tetapi apa yang kau nikmati."

Kebahagiaan itu subjektif. Yang membahagiakan seseorang belum tentu membahagiakan orang lain.

Contohnya, seorang isteri akan terasa sangat bahagia jika suaminya belikan rantai tangan ala tenggiling tidur yang menjadi idamannya selama ini.

Tetapi si suami mungkin tidak bahagia, baik dari saat mula membeli sehinggalah saat isterinya melaram dengan rantai tangan itu. Begitu juga dengan mak cik rumah sebelah. Dia juga mungkin tumpang tidak bahagia.

Secara umum, kita mungkin me-

nyangka semua warga Kuala Lumpur akan bahagia jika setiap hari orang lebih suka berkumpul di rumah macam waktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Jalan lengang dan lapang, manakala tempat parkirnya percuma sepanjang masa. Tetapi bahagiakah peniaga dan penjaja? Bahagia jugakah kupu-kupu malam dan rama-rama dinihari kalau asyik pandang muka sesama sendiri?

Pun begitu, tidak kira bagaimana bentuknya, kebahagiaan adalah keperluan utama dalam kehidupan. Setiap orang mencarinya, sepanjang masa. Orang sanggup melakukan apa sahaja untuk mendapat dan menikmatinya.

Belum pernah saya dengar sesiapa pun yang mencari kesengsaraan dan penderitaan. Yang mencari penyakit lain cerita. Golongan itu memang ramai. Tetapi jangan tersilap, ada juga orang berasa mencari penyakit itu membahagiakan. Kalau tidak percaya, cuba tanya mat rempit atau mat lalok.

Disebabkan kebahagiaan itu tidak bergantung pada apa yang dimiliki, maka kita melihat terlalu banyak contoh golongan kayangan dan super kayangan yang mempunyai segala-galanya meratapi nasib mereka yang jarang mengenali erti bahagia sehingga ada sanggup membunuh diri.

Dan tidak sedikit dalam kalangan mereka yang miskin tetap bahagia bersama

keluarga walaupun dalam keadaan hidup serba tiada.

Serius, saya pernah bertemu gelandangan yang mengaku dia berasa bahagia setiap kali hujan turun sewaktu dia mula merebahkan badan di kaki lima.

Begitulah, kebahagiaan tidak boleh diukur dengan apa yang kita nampak. Walaupun pada zaman *now* ini menunjukkan kebahagiaan menjadi trend terutama di media-media sosial, janganlah sesekali terpesona dan terikut-ikut.

Belum tahu apa kita nampak itu sama dengan realiti sebenar. Dan belum tahu apa yang membahagiakan mereka itu akan juga membahagiakan kita.

Seorang kawan pernah bercerita bagaimana kenalannya berperang besar dengan isteri kerana si isteri asyik merengek hendak merakamkan gambar adegan makan bersuap, jalan berpimpin tangan dengan si suami untuk dimuat naik di laman media sosial sebagaimana kawan-kawannya. Si suami enggan, si isteri mendesak.

"Tetapi si suami tidak mengalah sebab dia takut kalau berbuat begitu tembelangnya pecah," cerita kawan saya.

"Kenapa?" Saya bertanya.

"Dia takut isteri tuanya tertengok gambar-gambar itu dan ajak dia buat perkara yang sama."

Itu juga masalah pada zaman *now*.

Ruang untuk mereka yang berasa bahagia tidak berkongsi apa-apa dengan sesiapa menjadi semakin sempit. Kalau akaun bank anda boleh mereka ceroboh, apalah sangat dengan kehidupan peribadi anda yang lain.

Di sebalik itu, harus diakui zaman *now* menyediakan kesempatan cukup luas kepada sesiapa sahaja yang mencari kebahagiaan. Kerana kebahagiaan itu berkait rapat dengan apa yang kita mahu, maka tentukan sahaja apa yang anda kehendaki, kemudian klik.

Ia akan membuka jalan untuk anda menuju ke arah itu. Paling tidak, ia akan mempertemukan anda dengan pakar-pakar tentang kebahagiaan, yang dirinya sendiri pun belum tentu bahagia.

Saya percaya dengan teknologi yang ada, akan sampai masanya nanti manusia mungkin tidak perlu bersusah payah mencari kebahagiaan, sebaliknya bahagia pula yang akan datang mencari mereka.

Contohnya telah ada. Mak cik-mak cik pencen yang tiba-tiba mendapat e-mel atau mesej kasih sayang daripada jejaka-jejaka muda nun di luar sana. Kalau bukan kerana bahagia, sudah tentu mereka tidak sanggup mengorbankan duit simpanan!...#dush!

** Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi ialah Setiausaha Politik. Mulai 2022 menulis mengenai pengurusan perubahan.*

Tumpahnya darahku dan darahmu



MAAF
CAKAP
NORDEN MOHAMED

Selamat menyambut hari kemerdekaan ke-65. Alhamdulillah, kita sudah merdeka selama ini. Semoga kita terus merdeka 100 tahun, malah 1,000 tahun lagi. Ini negara kita semua, negara bagi seluruh warganegara Malaysia.

Sama ada anda berbangsa Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban dan sesiapa sahaja yang mempunyai kad pengenalan biru, anda adalah warganegara Malaysia.

Dalam pada itu, sekiranya anda penduduk tetap atau pendatang yang sah, malah tanpa izin, tetapi anda punyai perasaan cintakan negara ini sepenuh hati, rasa cinta anda kepada Malaysia bukanlah satu jenayah. Teruslah untuk tumpahkan rasa cinta anda kepada tanah bertuah ini.

Orang Melayu menurut sejarah memang mewarisi negara ini sejak ratusan tahun yang lalu. Ia adalah fakta. Generasi dan tamadun Melayu sudah

berakar di negara ini.

Malah, dari sudut sosiologi, sekiranya mereka juga datang dari mana-mana wilayah di Nusantara, mereka hanya berpindah-randah di alam Melayu.

Justeru, perasaan sebagai tuan tanah, rasa bangga yang dilaung dengan tangan terjulang ke udara usah dibimbangkan oleh sesiapa pun.

Mereka bertanjak dan berbusana Melayu, siap dengan keris tersisip di pinggang hanya melahirkan perasaan untuk menjiwai semangat Melayu.

Mereka hanya memanifestasikan sumpah pendekar penuh bangga kerana mempunyai nenek moyang yang sentiasa menyabung nyawa menentang penjajah sejak ratusan tahun lalu.

Setelah fajar merdeka menyingsing cahaya hingga berpuluh tahun lamanya, marilah kita sama-sama rasai semangat itu.

Ketahuilah, seandainya ada lagi mana-mana penjajah yang datang dengan niat serong, mereka akan ditentang habis-habisan oleh cucu-cicit Melayu yang masih ada.

Selepas barisan pihak tentera, inilah barisan berada di bahagian belakang yang akan menyongsong dan menghalau penjajah di hari muka.

Sebab itu, walaupun mereka menggarang wajah seperti ingin

menelan apa yang ada di depan mata, mereka tidak akan melanggar undang-undang atau memporak-perandakan negara. Kenapa? Bukankah mereka adalah pewaris pusaka tanah air yang menjaga tanah air ini?

Dalam pada itu, orang Melayu tidak akan cemburu seandainya terdapat sesiapa daripada kalangan kaum Cina, India atau mana-mana kaum lain yang bangun lalu berkata: "Wahai umat Melayu! Malaysia bukan hak kamu sahaja! Kami juga ada hak!"

"Kami juga mahu mendapat segala keistimewaan kami sebagai warganegara. Kami yang lahir di negara Malaysia berdaulat, yang berteduh di bawah payung Jalur Gemilang akan turut mempertahankan negara ini hingga ke titisan darah terakhir daripada segala ancaman musuh."

Ucapkanlah. Jangan malu-malu dan ragu-ragu meminta apa yang hak. Bukankah ini juga tanah tumpahnya darahmu? Usah berasa kekok untuk ikrarkan juga kesetiaan tidak berbelah bahagi menjunjung kedaulatan raja, agama rasminya dan bahasa Melayunya.

Sumpah setia ini akan disambut dengan salam dan pelukan penuh kesyukuran oleh orang Melayu. Generasi tua pelbagai kaum sudah lama tunjukkan teladan kesetiaan itu.

Anak-anak muda perlu teruskan kesepaduan semangat tersebut.

Mari kita berfikir jauh melepasi sempadan kaum, sentimen agama dan segala unsur *parochialisme*. Selagi kita berpandangan sempit, memikir untuk merebut kehendak dan bahagian kecil di bumi sekangkang kera ini, maka selagi itulah kita asyik berdengki dan bercemburu sesama kita.

Sebaliknya, mari berpandangan jauh melangkaui sempadan negara hingga berwawasan untuk menakluki dunia. Hanya dengan melihat jauh sahaja kita akan sedar betapa banyaknya masa kita terbuang melayan kerenah kecil dan remeh bertahun-tahun lamanya.

Dunia sudah melihat Malaysia dengan sebelah mata. Jangan biarkan dunia berpaling dan tidak mahu memandangi kita lagi.

Itu tugas kita semua untuk mengembalikan maruah Malaysia di mata dunia. Andaikan di dada kita ada tersisip Jalur Gemilang. Bawalah bendera itu ke mana-mana kerana ia adalah warna-warna yang mencerminkan diri kita sebagai warga Malaysia.

Merdeka! Merdeka!! Merdeka!!!

** Norden Mohamed ialah mantan Ketua Pengarang Sinar Harian*